

BAHAGIAN I

PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI KEDAH BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Subseksyen 16(1), Akta Tatacara Kewangan 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan Negeri menyediakan penyata kewangan tahunan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah disediakan oleh Pegawai Kewangan Negeri berasaskan perakaunan tunai ubah suai.
- Penyata ini yang melaporkan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Kedah tahun 2021 mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.
- Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah dilaksanakan selaras dengan Perenggan 5(1)(a) Akta Audit 1957 yang menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit akaun Persekutuan dan negeri.

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata tersebut menunjukkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.
- Pengauditan Penyata Kewangan telah dilaksanakan berdasarkan The International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI) dan Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri.

Apa yang ditemui Audit?

- Secara keseluruhannya, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah menunjukkan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Kedah bagi tahun berakhir 31 Disember 2021. Rekod perakaunannya juga telah diselenggara dengan teratur dan kemas kini.
- Bagaimanapun, terdapat satu perkara signifikan dibangkitkan dalam perenggan Penegasan Perkara dalam Sijil Ketua Audit Negara seperti berikut:
 - Pada 31 Disember 2021, Pelaburan Kerajaan Negeri Kedah berjumlah RM230.89 juta terdiri daripada Deposit Dalam Negeri berjumlah RM214.30 juta dan Pelaburan Saham berjumlah RM16.59 juta. Termasuk dalam baki Deposit Dalam Negeri merupakan pelaburan Unit Amanah Saham berjumlah RM50 juta. Berdasarkan Perenggan 6.2.5, Piawaian Perakaunan Kerajaan (PPK) 6, Unit Amanah Saham tidak termasuk dalam jenis pelaburan yang disenaraikan.
 - Subperenggan 8(3)(b)(iv) Akta Tatacara Kewangan 1957 menetapkan selain daripada jenis pelaburan yang dinyatakan dalam Subperenggan 8(3)(b)(i),(ii) dan (iii), Kerajaan negeri boleh membuat pelaburan berdasarkan kepada kuasa undang-undang negeri atau suatu resolusi Badan Perundangan dalam mana-mana aku janji selepas berunding dengan pihak Perbendaharaan. Kerajaan negeri telah membuat pelaburan Unit Amanah Saham melalui kelulusan Jawatankuasa Pelaburan yang dipengerusikan oleh Pegawai Kewangan Negeri. Sehingga 31 Disember 2021, Kelulusan pelaburan ini belum diperoleh daripada Perbendaharaan Malaysia dan permohonan telah dibuat oleh Kerajaan negeri pada 17 Julai 2022.
- Selain itu, tiga perkara dibangkitkan dalam perenggan Hal-hal Lain dalam Sijil Ketua Audit Negara seperti berikut:
 - Kerajaan negeri hendaklah memastikan peruntukan Kumpulan Wang Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri diurus dan digunakan mengikut tujuan yang telah ditetapkan selaras dengan undang-undang dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa;

- pungutan diperakaunkan dengan lebih teratur supaya baki Wang Tunai dan Hasil yang dilaporkan dalam penyata kewangan adalah tepat. Tindakan penyesuaian dan pelarasaran perlu dibuat dengan segera terhadap *unreconciled items* yang telah dikenal pasti dalam Penyata Penyesuaian Bank; dan
- meningkatkan kawalan dalaman terhadap pengurusan pembayaran yang menjadi punca utama peningkatan bayaran di bawah AP 58(a). Bil tuntutan hendaklah dikemukakan dengan segera selepas sesuatu perolehan dibuat dan dibayar dalam tempoh 14 hari dari tarikh ianya diterima dengan lengkap dan sempurna selaras dengan AP 103(a).

BAHAGIAN I

PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI KEDAH BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

FAKTA UTAMA

01.01.2021 - 31.12.2021 Tahun kewangan Kerajaan negeri	31 Julai 2022 Tarikh akhir penyerahan penyata kewangan untuk diaudit	17 Mac 2022 Tarikh penyerahan sebenar penyata kewangan untuk diaudit
Komponen Penyata Kewangan	<ul style="list-style-type: none">• Penyata Kedudukan Kewangan• Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai• Penyata Prestasi Kewangan• Penyata Akaun Memorandum• Nota Kepada Penyata Kewangan	
Jenis Pendapat Audit	Pendapat Tanpa Teguran dengan Penegasan Perkara dan perenggan Hal-Hal Lain	

1. PENDAHULUAN

1.1. Subseksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan Negeri menyediakan penyata kewangan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata tersebut hendaklah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara dalam tempoh tujuh bulan selepas berakhirnya tahun kewangan berkenaan untuk diaudit seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 9 Akta Audit 1957. Penyata Kewangan Kerajaan negeri disediakan oleh Bendahari Negeri berdasarkan perakaunan tunai ubah suai.

1.2. Selaras dengan peruntukan undang-undang tersebut, Pegawai Kewangan Negeri telah mengemukakan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 kepada Jabatan Audit Negara pada **17 Mac 2022**. Penyata tersebut melaporkan semua urus niaga kewangan asas tunai bagi tahun 2021 berkaitan dengan sumber dan penggunaan wang awam. Komponen penyata kewangan terdiri daripada Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.

1.3. Penyata Kedudukan Kewangan menunjukkan jumlah pegangan Wang Awam Kerajaan terdiri daripada Wang Tunai dan Pelaburan yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan. Selaras dengan asas perakaunan tunai ubah suai yang diguna pakai oleh Kerajaan negeri, hanya Pelaburan Am yang terdiri daripada Saham dan Deposit Dalam Negeri dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Pelaburan lain pula dilaporkan dalam Penyata Akaun Memorandum.

1.4. Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai menunjukkan penerimaan dan pembayaran bagi tahun 2021. Penerimaan adalah terdiri daripada hasil, pinjaman, terimaan modal dan terimaan lain seperti amanah dan deposit. Pembayaran pula adalah untuk membiayai perbelanjaan mengurus, pembangunan, modal, bayaran balik pinjaman dan bayaran lain.

1.5. Penyata Prestasi Kewangan menunjukkan lebihan atau kurangan hasil keseluruhan berbanding jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta sumber pembiayaannya. Penyata ini juga menunjukkan pergerakan dana dalam Pinjaman Dalam Negeri, Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan serta Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah.

1.6. Penyata Akaun Memorandum adalah akaun yang menunjukkan kedudukan aset dan liabiliti Kerajaan negeri. Aset Kerajaan negeri merangkumi Pinjaman Boleh Dituntut dan Pelaburan manakala Liabiliti Kerajaan negeri adalah hutang Kerajaan negeri kepada Kerajaan Persekutuan.

1.7. Nota Kepada Penyata Kewangan pula memberi penerangan dan maklumat terperinci mengenai jumlah yang ditunjukkan dalam penyata kewangan dan juga maklumat tambahan seperti peristiwa yang berlaku selepas tarikh Penyata Kedudukan Kewangan dan angka perbandingan.

2. OBJEKTIF DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

2.1. Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata itu menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

2.2. Pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen dijalankan secara berterusan sepanjang tahun 2021. Teguran Audit mengenainya telah dibangkitkan melalui surat pemerhatian Audit kepada pihak Perbendaharaan Negeri dan jabatan negeri sebaik sahaja sesuatu pengauditan selesai dijalankan.

2.3. Mesyuarat Penutup yang dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Timbalan Ketua Audit Negara (Kewangan) telah diadakan pada 14 Ogos 2022 bersama YB Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kedah dan pegawai-pegawai yang terlibat.

3. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI KEDAH BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

3.1. Pengauditan penyata kewangan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan Piawaian Pengauditan yang diluluskan serta The International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI) 1000. Akta dan piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan bagi mendapat kepastian yang munasabah sama ada penyata kewangan adalah bebas daripada kesilapan dan ketinggalan yang ketara. Pengauditan penyata kewangan termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan penzahiran yang mencukupi dalam persembahan penyata kewangan.

3.2. Persembahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 adalah selaras dengan Piawaian Perakaunan Kerajaan. **Pada pendapat Audit, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah pada keseluruhannya menunjukkan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Kedah bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 dan rekod perakaunannya telah diselenggara dengan teratur dan kemas kini.**

3.3. Bagaimanapun, terdapat satu perkara signifikan dibangkitkan dalam perenggan Penegasan Perkara dalam Sijil Ketua Audit Negara seperti berikut:

3.3.1. Pada 31 Disember 2021, Pelaburan Kerajaan Negeri Kedah berjumlah RM230.89 juta terdiri daripada Deposit Dalam Negeri berjumlah RM214.30 juta dan Pelaburan Saham berjumlah RM16.59 juta. Termasuk dalam baki Deposit Dalam Negeri merupakan pelaburan Unit Amanah Saham berjumlah RM50 juta. Berdasarkan Perenggan 6.2.5, Piawaian Perakaunan Kerajaan (PPK) 6, Unit Amanah Saham tidak termasuk dalam jenis pelaburan yang disenaraikan.

3.3.2. Subperenggan 8(3)(b)(iv) Akta Tatacara Kewangan 1957 menetapkan selain daripada jenis pelaburan yang dinyatakan dalam Subperenggan 8(3)(b)(i),(ii) dan (iii), Kerajaan negeri boleh membuat pelaburan berdasarkan kepada kuasa undang-undang negeri atau suatu resolusi Badan Perundangan dalam mana-mana aku janji selepas berunding dengan pihak Perbendaharaan. Kerajaan negeri telah membuat pelaburan Unit Amanah Saham melalui kelulusan Jawatankuasa Pelaburan yang dipengerusikan oleh Pegawai Kewangan Negeri. Sehingga 31 Disember 2021, kelulusan pelaburan ini belum diperoleh daripada Perbendaharaan Malaysia dan permohonan telah dibuat oleh Kerajaan negeri pada 17 Julai 2022

3.4. Selain itu, tiga perkara dibangkitkan dalam perenggan Hal-hal Lain dalam Sijil Ketua Audit Negara seperti berikut:

3.4.1. Kerajaan negeri hendaklah memastikan peruntukan Kumpulan Wang Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri diurus dan digunakan mengikut tujuan yang telah ditetapkan selaras dengan undang-undang dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

3.4.2. Pungutan diperakaunkan dengan lebih teratur supaya baki Wang Tunai dan Hasil yang dilaporkan dalam penyata kewangan adalah tepat. Tindakan penyesuaian dan pelarasan perlu dibuat dengan segera terhadap *unreconciled items* yang telah dikenal pasti dalam Penyata Penyesuaian Bank.

3.4.3. Meningkatkan kawalan dalaman terhadap pengurusan pembayaran yang menjadi punca utama peningkatan bayaran di bawah AP 58(a). Bil tuntutan hendaklah dikemukakan dengan segera selepas sesuatu perolehan dibuat dan dibayar dalam tempoh 14 hari dari tarikh ianya diterima dengan lengkap dan sempurna selaras dengan AP 103(a).

3.5. Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah yang disertakan bersama dengan Pernyataan Pegawai Kewangan Negeri dan Bendahari Negeri, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan adalah seperti dalam **Lampiran I** hingga **Lampiran VII**.